

Tabung Haji tidak dikuasai, dikawal bukan Islam

BH-15/7/2020 m/s: 2

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin menegaskan Lembaga Tabung Haji (TH) tidak dikuasai oleh orang bukan Islam.

Penegasan itu dibuat dalam jawapan bertulis dewan Rakyat kepada pertanyaan Datuk Seri Mujahid Yusof (PH-Parit Buntar).

Mujahid meminta Perdana Menteri menyatakan kedudukan jumlah aset terkini TH dan adakah benar kerajaan PH menjual banyak aset TH dan membiarkan agensi dikuasai oleh orang bukan Islam.

Muhyiddin berkata TH juga kini mencatat lebih aset RM1.9 bilion.

“Kedudukan terkini aset TH pada 30 Jun 2020 seperti diumumkan dalam laporan prestasi TH setengah tahun pertama 2020 adalah berjumlah RM78 bilion dengan lebih aset berbanding liabiliti sebanyak RM1.9 bilion.

“Selaras dengan pelaksanaan Pelan Pemulihan dan Penstrukturan TH, aset yang kurang berdaya saing sudah dipindahkan kepada sebuah Syarikat Tujuan Khas (SPV) iaitu Urusharta Jamaah Sdn Bhd (UJSB) yang dimiliki penuh oleh kerajaan di bawah Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD).

“Oleh itu, TH tidak dikawal oleh orang bukan Islam,” katanya.

Menjawab persoalan lain diemuka Datuk Seri Hasan Arifin (BN-Rompin), Perdana Menteri berkata, TH sudah mencatatkan prestasi dan kedudukan kewangan yang semakin baik bagi 2019.

“Bagi tahun kewangan 2019



Pelaburan hartanah dan ekuiti masing-masing menyumbang RMo.5 bilion dan instrumen pasaran wang Islam pula menjana RMo.4 bilion bagi 2019.

**Muhyiddin Yassin,
Perdana Menteri**

yang masih diaudit, TH memperoleh pendapatan berjumlah RM3.2 bilion dijana, terutama menerusi pelaburan aset pendapatan tetap (iaitu sukuk) yang memberi

RM1.6 bilion atau 51 peratus daripada jumlah pendapatan TH.

“Pelaburan hartanah dan ekuiti masing-masing menyumbang sebanyak RM0.5 bilion dan instrumen pasaran wang Islam pula menjana RM0.4 bilion bagi 2019,” katanya.

Kepada soalan Dr Nik Muhammad Zawawi (PAS-Pasir Puteh), Muhyiddin berkata, tiada implikasi kewangan terhadap pengurusan TH apabila kerajaan mengambil keputusan tidak menghantar jemaah haji tahun ini.

“TH juga memaklumkan perkara yang sama kepada semua Pengelola Jemaah Haji (PJH) dan mereka telah membuat perancangan sewajarnya berkaitan sewaan hotel penginapan, manakala urusan penerbangan tidak dimuktamadkan,” katanya.